

Perjuangan wanita hendaklah berasaskan nilai ketimuran - Dr. M.

UM 26 AUG 1982

KUALA LUMPUR, 25 Ogos - Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir berpendapat asas perjuangan kaum wanita dalam pembangunan negara hendaklah berasaskan nilai-nilai ketimuran.

Katanya, wanita sendiri mestilah menjamin keluhuran nilai-nilai ini dan memupuknya di kalangan wanita.

"Saya yakin dengan cara ini, nilai-nilai ini iaitu asas sebenar menjamin peranan dan kedudukan wanita di dalam masyarakat akan menjadi nilai masyarakat sendiri," tambah Datuk Sri Dr Mahathir.

Pendapat tersebut diberikan oleh Perdana Menteri semasa berucap merasmikan pelancaran perayaan Hari Wanita yang ke-20, anjuran Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO) di Balai Budaya, Dewan Bahasa dan Pustaka, di sini petang ini.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, wanita adalah ibu, isteri atau anak, oleh itu mereka mempunyai

tempat yang penting di dalam masyarakat.

Nabi Muhammad S.A.W. di samping menyanjung tinggi isteri yang taat mengatakan bahawa antara lelaki yang baik ialah yang baik terhadap isterinya, kata Datuk Sri Dr. Mahathir.

Seterusnya, anak yang baik ialah anak yang taat, tambahnya.

Pupuk

Oleh itu beliau menegaskan bahawa inilah nilai-nilai yang seharusnya wujud dengan nyata dalam masyarakat kita, tegasnya.

Beliau menambah nilai-nilai berdasarkan kebudayaan timur menjamin persamaan dan keadilan; ia tidak merugikan lelaki dan tidak pula menjatuhkan kedudukan wanita.

Sebaliknya, ia adalah landasan yang wajar dan sederhana yang harus dipupuk kerana penerimanya secara meluas akan menyelamatkan dan menjamin kejayaan semua pihak, tegasnya.

Perdana Menteri selanjutnya menegaskan bahawa kemajuan wanita di negara ini tidak harus diukur dengan kriteria pelajaran, pekerjaan, taraf sosial dan ekonomi ataupun peranan di dalam politik sahaja, tetapi tidak kurang penting ialah aspek kerohanian.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir kemajuan yang tidak berteraskan kepada kematangan dari segi kerohanian yang mendalam dan kuat ia mungkin gagal di dalam peranan kekeluargaannya.

"Malangnya, kegagalan ini sukar sekali untuk diteliti oleh seorang itu sendiri sedangkan ianya mempunyai implikasi yang amat mendalam," katanya.

"Oleh itu saya percaya aspek kerohanian ini harus dijadikan sebagai satu faktor yang diberi pertimbangan yang khusus di dalam strategi memajukan wanita oleh pergerakan-pergerakan wanita.